

# APUMS medan iktiraf penyelidikan kakitangan akademik

UB 21.08.2021 P.04

**KOTA KINABALU:** Pengjuran Majlis Anugerah Penyelidik Universiti Malaysia Sabah (APUMS) diterajui Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP) merupakan medan terbaik dalam mengiktiraf usaha kakitangan akademik UMS yang menjalankan penyelidikan, penerbitan, perundingan dan pengkomersilan berkualiti di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, kakitangan akademik merupakan kumpulan sangat penting dalam pembangunan sesebuah universiti.

"Justeru, saya percaya pengiktirafan seumpama itu mampu memberi suntikan semangat untuk sama-sama meningkatkan kecemerlangan universiti dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan lain-lain.

"Penganjuran APUMS bukan sahaja mengiktiraf kepakaran atau kecemerlangan penyelidik, tetapi turut menghargai dan mendorong kejayaan kakitangan akademik yang telah menaikkan nama UMS melalui aktiviti penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengkomersilan, serta turut membantu PPP dalam pelaksanaan penilaian geran penyelidikan di peringkat UMS," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian sempena Majlis Anugerah Penyelidik Cemerlang (APC) dan Penghargaan sempena Majlis Anugerah Penyelidik Universiti Malaysia Sabah (APUMS) 2019 & 2020 yang disiarkan secara langsung di laman Facebook Rasmi UMS Official.



DR. TAUFIQ

Taufiq turut mengingatkan bahawa cabaran para penyelidik secara sedar ialah membuang perasaan berpuas hati dan terlalu yakin.

"Kejayaan dan kecemerlangan UMS terletak pada keberkesanan seluruh sistem, nilai, kepercayaan, iklim, semangat dan budaya yang diamalkan dan dipamerkan setiap waktu oleh setiap warga, baik staf akademik, staf pentadbiran dan sokongan.

"Semua pihak mesti memainkan peranan aktif dan proaktif sebagai prasyarat penting dalam menempa kejayaan melalui pendekatan positif terhadap disiplin meningkatkan mutu kerja, mutu pengajaran, penyelidikan, penerbitan, pengkomersilan," kata Taufiq.

Ujar beliau, para kakitangan haruslah menumpukan lebih perhatian dan tenaga kepada aspek "next time" dan sekali gus menghapuskan segala amalan, tabiat dan tingkah-laku negatif yang merugikan semua orang.

Majlis APC dan Penghargaan sempena APUMS 2019 dan 2020 telah memberikan penghargaan kepada para penyelidik melalui 17 anugerah dalam pelbagai kategori.

Bagi kategori anugerah utama, Anugerah Penyelidik Cemerlang menyenaraikan empat pemenang bagi tahun 2019, iaitu Dr. Fong Siat Yee dan Prof. Madya Dr. Colin Ruzelion Maycock dalam kategori Sains, serta Prof. Madya Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul dan Dr. Phang Ing bagi kategori Sains Sosial.

Manakala bagi pemenang tahun 2020 turut menyenaraikan empat pemenang, iaitu Prof. Madya Dr. Balu Alagar Ventmathi Maran dan Prof. Madya Dr. Mohd Firdaus Mohd Hayati bagi kategori Sains, serta Dr. Oliver Valentine Eboy dan Dr. Jurry Foo bagi kategori Sains Sosial. Pemenang masing-masing menerima geran penyelidikan bernilai RM5,000.

Untuk kategori Anugerah Penyelidik Muda, lima penyelidik disenaraikan bagi pemenang tahun 2019, iaitu Dr Chin Kai Ling, Dr. Wilson Wong Vun Chiong, dan Dr. Tamrin Amboala bagi kategori Sains, serta Dr. Toh Pei Sung dan Dr. Juliana Anak Langgat bagi kategori Sains Sosial.

Bagi pemenang tahun 2020, empat penerima, Dr. Intan Solihah Ibrahim dan Dr. Saizal Pinjaman bagi kategori Sains Sosial, serta Dr. Lim Leing Seng dan Dr. Fatimah Ahmedy bagi kategori Sains.

Penerima Anugerah Penyelidik Muda masing-masing dianugerahkan geran penyelidikan bermula RM2,000.